

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang 1990/91

Jun 1991

RMK 351 - Ekonomi Bangunan 2

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Satu kajian telah dijalankan di United Kingdom berkenaan dengan praktis semasa pelunjuran kos oleh Juru Ukur Bahan di tahap pra-kontrak untuk sesuatu projek binaan. Kajian ini mengenalpasti empat perkara untuk mendapatkan satu sistem pelunjuran kos yang berkesan. Keempat perkara tersebut ialah:

- (i) Fleksibiliti dalam aplikasi
- (ii) Ketepatan
- (iii) Aplikasi yang cepat dan mudah
- (iv) Penyenggaraan yang mudah

Bincangkan keempat-empat perkara tersebut dalam konteks soalan yang diberikan.

(25 markah)

2. Model kos adalah representatif yang simbolik untuk sesuatu sistem dan menyatakan kandungan sistem tersebut dalam konteks faktor-faktor yang penting yang mempengaruhi kos.

Bincangkan empat objektif utama model kos dan lima prinsip aplikasi model kos.

(25 markah)

3. (i) Terangkan maksud morfologi bangunan

(5 markah)

- (ii) Bincangkan keberkesanan kos untuk bentuk pelan bangunan berdasarkan kepada tiga dari lima formula untuk mengukur bentuk pelan bangunan.

(20 markah)

4. Sesuatu projek binaan mempunyai komponen-komponen kos tertentu. Dengan menggunakan andaian sebuah projek perumahan yang tanahnya perlu dibeli dan tanah tersebut adalah tanah pertanian. Huraikan komponen-komponen kos yang perlu diambilkira dan rumuskan tiga komponen penting yang akan mempengaruhi keuntungan sesuatu projek.

(25 markah)

5. Jadual di bawah menunjukkan elemen-elemen bangunan dan cara pengukuran yang boleh dibuat untuk membuat pelunjuran kos.

Bincangkan cara-cara pengukuran yang boleh dilakukan untuk setiap elemen berdasarkan kepada maklumat di tahap reka-bentuk skema.

No. Elemen	Kos/m ²	Kadar Unit Elemen	Pengukuran Kasar
1. Substruktur			
2. Superstruktur			
3. Kemas			
4. Perabot dan Kelengkapan			
5. Perkhidmatan Bangunan			

(25 markah)

6. Klasifikasi CI/Sfb Jadual 0, mengklaskan jenis pembinaan mengikut 9 jenis. Huraikan jenis-jenis ini dan beri contoh contoh tertentu.

(25 markah)